

Keberkesanan Penggunaan Pendekatan Design Thinking Dalam Penulisan Karangan

Junainah Mohamed Yusoff

junainah_mohamed_yusoff@schools.gov.sg

Nur Adilah Khamsani

nur_adilah_khamsani@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Greenwood

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meneliti keberkesanan pendekatan *Design Thinking* (DT) dalam penulisan karangan. Lirik lagu digunakan untuk merangsang pemikiran murid-murid tahap pada aras kebolehan meningkatkan prestasi karangan mereka dalam komponen bahasa. Perisian *Mentimeter* dan *Nearpod* digunakan untuk menggalakkan pembelajaran secara sendiri dan kolaboratif. Penggunaan Penyoalan Sokratik pula merangsang pemikiran murid-murid untuk mengupas dan memahami lirik lagu. Rubrik penilaian karangan yang direka khusus untuk mengukur pencapaian murid-murid telah digunakan semasa praujian dan pascaujian. Data dianalisis secara kuantitatif dan pengumpulan statistik '*paired-t-test*' telah digunakan untuk membuat perbandingan markah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat kemajuan dalam komponen bahasa kumpulan kajian.

Kata Kunci: *Design Thinking*, lirik lagu, *Mentimeter*, *Nearpod*, Penyoalan Sokratik



PENGENALAN

Bahasa ialah salah satu komponen yang sangat penting dalam penulisan karangan. Menurut Awang Sariyan (2016), pemilihan kata yang tepat dan penggunaan ayat yang berkesan adalah antara aspek mekanikal yang menyokong pemikiran yang perlu disampaikan. Oleh itu, penting untuk murid-murid memilih dan menggunakan kata atau frasa yang tepat bagi menyampaikan idea dalam penulisan karangan. Secara amnya, penulisan karangan murid-murid Darjah 5 pada aras kebolehan didapati tidak menarik dan kurang kreativiti dari segi bahasa. Frasa yang digunakan adalah sederhana dan tiada kepelbagaian. Dalam kajian ini, murid-murid telah menggunakan lima fasa *Design Thinking* (DT) untuk meningkatkan kemahiran berfikir mereka dalam reka bentuk pembelajaran mereka sendiri. Dengan itu, mereka dapat mengenal pasti cara yang terbaik untuk meningkatkan komponen bahasa dalam penulisan karangan mereka.

PERNYATAAN MASALAH

Walaupun pelbagai frasa yang baik telah disenaraikan dan diajarkan kepada murid-murid, frasa baik yang digunakan dalam penulisan karangan mereka adalah minimum. Murid-murid cenderung mengulang frasa mudah yang sama kerana mereka sukar mengingat frasa yang lebih baik. Menurut Sprenger (2018), sekiranya sesuatu tidak masuk akal bagi murid-murid, mereka akan mudah melupakannya. Oleh itu, penting untuk guru melibatkan murid-murid dalam pembentukan kaedah pembelajaran mereka agar membantu murid-murid mengingat dan menggunakan frasa yang baik dalam penulisan karangan.

Bagi merangsang murid-murid untuk menggunakan frasa yang baik dalam penulisan karangan mereka, lagu dikenal pasti sebagai kaedah intervensi dalam kajian penyelidikan ini. Berdasarkan pemerhatian guru, penggunaan lagu adalah menyeronokkan kerana murid dapat mengingat liriknya dengan baik tanpa paksaan. Dengan pemilihan yang teliti, terdapat pelbagai lagu yang mempunyai frasa yang sesuai dan baik yang boleh digunakan oleh murid-murid. Oleh itu, hipotesis kajian penyelidikan ini ialah penggunaan frasa daripada lirik lagu dapat membantu meningkatkan prestasi murid-murid Bahasa Melayu Darjah 5 pada aras kebolehan dalam komponen bahasa penulisan karangan.



TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk:

1. meneliti keberkesanan penggunaan lirik lagu bagi meningkatkan prestasi murid dalam komponen bahasa penulisan karangan; dan
2. melatih murid-murid reka bentuk pembelajaran mereka sendiri melalui pendekatan *Design Thinking*.

KAJIAN LEPAS

Menurut Lee (2018), DT ialah satu proses yang membolehkan murid-murid untuk menjadi warganegara yang bersedia untuk masa depan (*ready for the future*) ketika menghadapi cabaran. Dengan menyertakan DT dalam bilik darjah, murid-murid dapat melatih diri mereka untuk menyelesaikan suatu permasalahan secara inovatif dan kreatif. Murid-murid akan dapat memikirkan dan menjalankan satu strategi yang telah mereka rancang untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Lantas, pembelajaran tersebut bukan hanya akan meningkatkan prestasi mereka malah murid-murid dapat menggunakan DT pada masa hadapan.

Cowley (2010) menyatakan bahawa pemilihan lagu yang disukai oleh murid-murid akan merangsang minat mereka. Mereka dapat mencari frasa baik yang terdapat dalam lagu. Murid-murid kurang menggunakan frasa yang baik kerana kurang kaitan dengan diri mereka sendiri. Namun, dengan memperdalam makna lirik lagu tersebut, mereka dapat memahaminya dengan lebih baik.

Menurut Hickox dan Hourigan (2016), lagu dapat digunakan untuk membantu meningkatkan kosa kata sekiranya lirik lagu tersebut mengandungi frasa yang sesuai. Lagu-lagu popular yang disukai oleh murid-murid dinyanyikan, atau didengar akan menjadikan pembelajaran lebih berkesan.

Paul dan Elder (2019) pula berpendapat bahawa guru boleh menggunakan Penyoalan Sokratik untuk merangsang murid-murid agar berfikir dengan lebih kritikal. Murid-murid akan dapat membezakan sesuatu



yang mereka ketahui atau fahami dengan sesuatu yang mereka tidak ketahui atau tidak fahami.

KAEDAH KAJIAN

Dalam kajian ini, murid-murid telah dibimbing untuk reka bentuk pembelajaran penulisan karangan bagi meningkatkan markah komponen bahasa dalam karangan mereka. Guru telah menggunakan kaedah DT agar murid-murid ada rasa pemilikan dan melibatkan diri mereka secara aktif terhadap pembelajaran mereka. Melalui rutin berfikir pula, murid-murid akan dapat melihat perubahan pada tanggapan mereka sebelum dan sesudah kajian dijalankan. Penggunaan ICT seperti perisian *Mentimeter* dan *Nearpod* juga telah digunakan untuk menggalak murid-murid mengembangkan dan berkongsi idea. Di samping itu, penyoalan Sokratik pula merangsang murid-murid untuk mengupas dan memahami lirik lagu dengan lebih kritis.

Kajian ini juga menerapkan elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang diterbitkan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS). Dengan itu, guru dapat melaksanakan pengajaran berpandukan langkah-langkah yang telah diberikan. Dalam kertas kajian ini, elemen STP diserlahkan bagi ketiga-tiga proses pengajaran. Aspek Pengajaran (AP) dan Aktiviti Mengajar (AM) bagi proses tersebut dapat dilihat dalam Jadual 1 di bawah ini.

Jadual 1 : Penerapan Aspek STP

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Penyediaan Pelajaran	AP11: Memilih Strategi Pengajaran	AM3: Memilih strategi pengajaran agar murid mampu untuk mengaplikasi atau mempamerkan pengetahuan, kemahiran, sikap dan tingkah laku yang ingin dicapai.
Pelaksanaan pelajaran	AP15: Menggalakkan Pelibatan Murid	AM3: Pelibatan menerusi kerjasama dan interaksi Dengan DT, murid-murid melibatkan diri mereka secara aktif untuk mereka bentuk pembelajaran mereka sendiri.
	AP20: Menggunakan Soalan untuk Memperdalam Pembelajaran	AM3:Menjana Soalan Penyoalan Sokratik merangsang murid-murid untuk menganalisis lagu secara kritis.

Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas	AM1: Maklum Balas dalam Bentuk Komen Sahaja Murid-murid memberi maklum balas mereka melalui Rutin Berfikir 'Dulu Saya Fikir... Kini saya berpendapat...'
----------------------------	---	---

Subjek Kajian

37 orang murid Bahasa Melayu Darjah 5 pada aras kebolehan dipilih untuk kajian ini. Kumpulan ini terdiri daripada murid-murid lelaki dan perempuan. Murid-murid yang dipilih telah terdedah kepada format peperiksaan karangan di peringkat Darjah 5 dan Pakej Penulisan untuk Darjah 5 yang dihasilkan oleh Jabatan Bahasa Melayu.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah:

Design Thinking (DT) - Terdapat lima fasa dalam DT.

Fasa 1, Empati (*Emphatise*)

Murid harus ada rasa empati terhadap diri mereka serta murid-murid dari kelas lain yang mungkin menghadapi masalah yang sama, iaitu prestasi bagi komponen bahasa dalam penulisan karangan kurang memuaskan.

Fasa 2, Pernyataan Punca (*Define*)

Murid menganalisis masalah dan menyatakan punca sebenar masalah itu timbul.

Fasa 3, Membentuk Idea (*Ideate*)

Murid menyumbang saran idea-idea untuk mengatasi masalah tersebut.

Fasa 4, Prototaip (*Prototype*)

Murid menghasilkan prototaip, iaitu memilih lagu yang sesuai.



Fasa 5, Menguji (*Test*)

Mereka boleh menguji keberkesanan lirik lagu itu dalam penulisan karangan mereka.

1. Rutin Berfikir

Murid-murid menggunakan aktiviti rutin berfikir “Dulu Saya Fikir...Kini Saya berpendapat...” untuk mencatatkan sangkaan mereka tentang teknik mempelajari frasa-frasa yang baik. Tambahan, menurut Ritchhart dan Morrison (2011), ia akan membantu murid untuk membuat cerminan terhadap pemikiran mereka dan melihat sebab tanggapan mereka telah berubah. Pada akhir kajian, murid-murid dapat lihat jika sangkaan mereka itu telah berubah.

2. Penyoalan Sokratik

Bagi pembelajaran ini, empat jenis soalan Sokratik telah digunakan; soalan penjelasan (*clarification*), soalan andaian (*assumption*), soalan bukti dan penaakulan (*evidence and reasoning*) dan soalan sudut pandangan alternatif (*alternative viewpoints*). Penyoalan Sokratik merangsang murid-murid untuk mendalami sesuatu hal yang mereka tidak ketahui.

3. Perisian Nearpod dan Mentimeter

Mentimeter digunakan semasa murid membuat sumbang saran dan mengumpulkan data perbincangan. Sementara Nearpod pula merangsang kolaborasi antara murid-murid secara aktif semasa perbincangan. Murid-murid lebih cenderung dengan pengajaran yang menggunakan ICT berbanding pembelajaran secara konservatif.

4. Praujian dan pascaujian

Praujian dan pascaujian digunakan untuk melihat sejauh mana frasa-frasa yang baik daripada lagu-lagu itu dapat meningkatkan komponen bahasa bagi penulisan karangan murid-murid. Data praujian dan pascaujian dikumpulkan secara kuantitatif. Kemudian, analisis statistik dilakukan untuk meninjau keberkesanan pengajaran secara eksplisit. Jadual 2 menunjukkan reka bentuk kajian yang telah dijalankan.



Jadual 2: Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk praujian dan pascaujian kumpulan			
	Praujian	Tindakan	Pascaujian
G1	O1	X	O2

'G1' ialah kumpulan kajian. Simbol 'X' pula menandakan intervensi yang dijalankan bagi **kumpulan** itu.

5. Rubrik penilaian praujian dan pascaujian

Kebolehan murid-murid menggunakan frasa-frasa baik dalam penulisan karangan semasa praujian dan pascaujian dinilai berdasarkan Rubrik Penilaian karangan komponen bahasa PSLE yang telah diubahsuaikan hanya untuk kajian ini. Data hasil daripada praujian dan pascaujian dikumpulkan dan dianalisis secara kuantitatif dengan menggunakan ujian *paired-t test*. Keputusan daripada ujian tersebut menunjukkan sama ada murid-murid telah menunjukkan peningkatan yang ketara atau sebaliknya.

Prosedur Kajian

Proses intervensi dijalankan selama 5 minggu semasa penggal sekolah yang ketiga. Minggu praujian dan pascaujian tidak termasuk dalam 5 minggu tersebut. Sesi intervensi dijalankan tiga kali seminggu. Satu sesi mengambil masa 2 waktu ataupun sejam secara keseluruhannya. Praujian dan pascaujian yang dijalankan adalah untuk menilai prestasi murid dalam komponen bahasa penulisan karangan mereka.

Sebelum proses intervensi dimulakan, guru menerapkan elemen STP semasa menyediakan pelajaran melalui AP11 dengan memilih strategi pengajaran yang sesuai agar murid mengaplikasi atau mempamerkan pengetahuan dan kemahiran mereka. Semasa pelaksanaan pelajaran, guru menerapkan AP15 untuk menggalakkan pelibatan murid dalam mereka bentuk pembelajaran mereka sendiri agar murid-murid ada rasa pemilikan terhadap pembelajaran mereka. Kelima-lima fasa kaedah DT diperkenalkan kepada murid-murid dalam sesi intervensi.



Minggu 1


Melalui fasa Empati, murid-murid dikehendaki memikirkan tentang perkara yang mereka dan murid-murid Bahasa Melayu darjah lima ingin perbaiki. Murid-murid mengutarakan bahawa mereka ingin meningkatkan prestasi komponen bahasa dalam penulisan karangan mereka. Pada fasa Pernyataan Punca pula, murid-murid menyenaraikan beberapa pernyataan masalah. Jadual 3 menunjukkan pernyataan masalah yang menjejaskan prestasi komponen bahasa dalam penulisan karangan mereka.

Jadual 3: Pernyataan Masalah Murid

1	Tidak menggunakan frasa-frasa yang baik
2	Sukar untuk meluahkan pemikiran dalam tulisan
3	Kurang menggunakan teknik-teknik penulisan karangan


Kemudian, murid-murid perlu mendalami masalah tersebut untuk memahami kemungkinan punca-punca akar (*possible root cause*) masalah itu berlaku dengan menggunakan Rajah Sebab dan Akibat (*Cause and Effect Diagram*). Sila lihat Rajah 1.

Rajah 1: Rajah Sebab dan Akibat



Setelah itu, murid-murid menggunakan 5 Mengapa (*5 Whys*) untuk mengenal pasti punca akar masalah tersebut yang menyebabkan mereka rasakan bahawa frasa-frasa yang baik tidak relevan kepada mereka. Oleh itu, mereka memerlukan satu cara agar mereka dapat mengingatkan frasa-frasa yang baik itu.

Rajah 2: Mengetahui Punca Akar Dengan 5 Mengapa



Pada fasa Membentuk Idea, murid-murid menyumbang saran bahan-bahan untuk membantu mereka mempelajari frasa-frasa baik dengan lebih bermakna. Perisian Mentimeter digunakan untuk mengumpulkan idea-idea murid.

Kemudian, murid-murid menyenarai pendekkan bahan-bahan tersebut.

Rajah 3: Senarai Pendek Bahan-bahan Untuk Mempelajari Frasa-frasa



Daripada senarai pendek itu, murid-murid menggunakan Matriks Penetapan Kriteria (*Criteria Setting Matrix*) bagi membantu mereka menentukan bahan yang akan mereka gunakan untuk mempelajari frasa-frasa yang baik.



Jadual 4: Matriks Penetapan Kriteria Untuk Menentukan Bahan

No.	Solution	Criteria			Total
		C1	C2	C3	
1.	Lagu (song)	3	3	3	9
2.	Drama bersiri (drama)	1	1	2	4
3.	Filem (film)	2	2	1	5
4.	Buku cerita (storybook)	2	2	2	6

C1: Tidak terlalu panjang
C2: Mudah didapatkan
C3: Mudah dibincangkan

(1 tidak bagus dan 4 sangat bagus)

Minggu 2

Guru menerangkan dan memperdengarkan pelbagai genre muzik yang ada; tradisional, balada, pop, rock dan *hip hop*. Bagi sesi seterusnya, setiap murid akan memulakan fasa Prototaip dengan memikirkan sebuah lagu bersertakan sebabnya mereka ingin menjadikannya bahan kajian. Guru meneliti lagu-lagu pilihan murid. Lagu-lagu bahasa Indonesia tidak diterima kerana perbezaan bahasa. Guru memainkan lagu-lagu tersebut di dalam kelas. Kemudian, murid-murid melakukan Matriks Penetapan Kriteria untuk memilih lagu terbaik. Lagu Syukur nyanyian Altimet dipilih sebagai lagu terbaik.

Jadual 5: Matriks Penetapan Kriteria Untuk Menentukan Lagu Terbaik

No.	Solution	Criteria			Total
		C1	C2	C3	
1.	Syukur	3	3	2	8
2.	Donde	3	1	2	6
3.	Pantun Budi	1	3	1	5

C1: Menarik
C2: Lirik yang bagus
C3: Mudah difahami

(1 tidak bagus dan 4 sangat bagus)

Minggu 3

Murid-murid melakukan Rutin Berfikir “Dulu Saya Fikir...” tentang cara untuk mempelajari frasa-frasa yang baik. Pada akhir kajian, murid-murid dapat lihat jika sangkaan mereka itu telah berubah. Dengan itu, guru menerapkan AP22 untuk memantau pemahaman dan maklum balas murid. Guru menerapkan AP20 dengan menggunakan Penyoalan Sokratik untuk membantu murid menganalisis lagu secara kritis.

Minggu 4

Guru mengenal pasti beberapa frasa yang baik yang mungkin akan dipilih murid. Melalui aktiviti *Time to Climb* di perisian Nearpod, guru menguji pemahaman murid tentang frasa-frasa tersebut sebelum menerangkannya. Dalam sesi seterusnya, murid-murid harus melakukan fasa Menguji dalam DT. Secara berkumpulan, murid akan mengenal pasti 4 frasa yang baik daripada lagu ‘Syukur’. Kemudian, mereka memikirkan dua senario yang mungkin boleh dijadikan soalan karangan gambar bersiri dan bersesuaian dengan frasa-frasa pilihan mereka. Setiap kumpulan menaipkan senario mereka di ruangan *Nearpod*.

Minggu 5

Guru mengetengahkan dan membincangkan dua senario yang paling digemari murid. Sebagai aktiviti penutup, murid-murid melengkapkan Rutin Berfikir bahagian “Kini saya berpendapat...” untuk melihat sama ada sangkaan mereka telah berubah atau tidak. Akhirnya, murid-murid menulis sebuah karangan berdasarkan soalan praujian yang telah mereka lakukan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan keputusan praujian dan pascaujian kumpulan kajian dikumpulkan dan dianalisis secara kuantitatif dengan menggunakan ujian *paired-t test*. 72.9% murid mendapat peningkatan markah. Rujuk Jadual 6.



Jadual 6: Keputusan Praujian Dan Pascaujian

No	Murid	Komponen Bahasa	
		SA	AR
		20 markah	20 markah
1	A	13	14
2	B	15	16
3	C	15	13
4	D	15	15
5	E	12	13
6	F	13	12
7	G	15	15
8	H	13	13
9	J	15	15
10	K	14	14
11	L	12	14
12	M	11	14
13	N	14	15
14	P	14	16
15	Q	15	18
16	R	12	14
17	S	11	11
18	T	12	14
19	U	11	12
20	V	11	13
21	W	12	13
22	X	11	12
23	Y	14	15
24	Z	8	14
25	AA	12	13
26	BB	14	15
27	CC	11	13
28	DD	13	14
29	EE	11	13
30	FF	15	15
31	GG	15	16
32	HH	15	16
33	JJ	12	12

34	KK	15	16
35	LL	13	14
36	MM	15	17
37	NN	16	17

Jadual 7 pula menunjukkan bahawa bagi praujian, kumpulan kajian mencapai purata 13.11. Manakala pascaujian, kumpulan kajian mencapai purata 14.22. Ujian *paired-t test* pula telah menghasilkan nilai *p* kurang daripada 0.0001, lantas menunjukkan bahawa perbezaan itu adalah signifikan secara statistik dalam prestasi kumpulan kajian.

Jadual 7 : Analisis Data

Kumpulan Kajian	Praujian	Pascaujian
Mean	13.11	14.22
Standard Deviation	1.81	1.60
Standard Error Mean	0.30	0.26
N	37	37

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa intervensi ini berjaya. Namun, kajian ini boleh diperbaiki dengan murid-murid meneroka lebih banyak lagu agar dapat memanfaatkan banyak lagi frasa-frasa yang baik. Para guru juga digalakkan untuk menggunakan DT agar dapat melibatkan murid dalam mereka bentuk pembelajaran mereka. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja berjaya meningkatkan prestasi akademik murid malah ia mempersiapkan murid dengan kemahiran dan pengetahuan yang sejajar dengan Kecekapan Abad ke-21.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Najiyah Mohamed Said
2. Fauziah Osman
3. Siti Fadiah Ramdan
4. Mohamed Sha'ban Mohamed Rapiai



RUJUKAN

- Cowley, S. (2010). *Getting the buggers to write* (2nd ed.). London, England: Bloomsbury Publishing.
- Hickox, R. Y., & Hourigan, R. M. (2016). *Winding it back: teaching to individual differences in music classroom and ensemble settings*. New York, NY: Oxford University Press.
- Lee, D. (2018). *Design thinking in the classroom: Easy-to-Use teaching tools to foster creativity, encourage innovation, and unleash potential in every student*. CA: Simon & Schuster.
- Paul, R., & Elder, L. (2019). *The thinker's guide to socratic questioning*. CA: Rowman & Littlefield.
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018), *Amalan Pengajaran Singapura*, Singapura: Oxford Graphic Printers Pte. Ltd.
- Ritchhart, R., Church, M., & Morrison, K. (2011). *Making thinking visible: how to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. Hoboken, NJ: John Wiley & Sons.
- Sariyan, A. (2016). *Teras pendidikan bahasa melayu*. Selangor, Malaysia: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Sprenger, M. (2018). *How to teach so students remember* (2nd ed.). Alexandria, VA: ASCD.